

Headline	Syukur tatap anak bebas HIV		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Dec 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	234 cm <sup>2</sup>
Journalist	Abu Bakar Al Sidek	AdValue	RM 4,088
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,264



# 'Syukur tatap anak bebas HIV'

» Ibu hidap penyakit minta jangan dipandang serong masyarakat

Oleh Abu Bakar Al Sidek  
■ Teluk Intan

**"B**agaikan dunia kiamat dan kehidupan sudah tidak bermakna, apabila tujuh tahun lalu ketika sarat mengandung anak sulung, doktor memaklumkan saya positif HIV dan hanya mampu hidup sehingga 2010.

"Namun selepas tujuh tahun berlalu, saya bersyukur kerana masih hidup dan dapat melihat dunia," kata Nur Marsitah Abdullah, 26.

Nur Marsitah yang mengakui perasaannya ketika itu antara hidup dan mati turut bersyukur kerana bukan saja dapat menatap wajah anak sulungnya yang kini berusia tujuh tahun, malah anaknya itu bebas HIV.

## Kuatkan semangat

"Pada mulanya saya putus asa untuk meneruskan kehidupan. Namun, saya menguatkan semangat dengan harapan dapat menatap wajah anak saya sebelum meninggal dunia," katanya ketika ditemui selepas memberi ceramah pada majlis forum sambutan Hari AIDS Sedunia peringkat negeri di sini, semalam.

Nur Marsitah yang lebih mesra dengan panggilan Rista, kini menjadi anggota sukare-

lawan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), PT Foundation Kuala Lumpur sejak empat tahun lalu dan memberi ceramah motivasi di seluruh negara kepada bekas penagih dadah dan penghidap HIV.

"Saya bernasib baik menerima bekalan ubat percuma dari Hospital Kuala Lumpur (HKL), jika tidak saya terpaksa menanggung kos ubat antara RM450 hingga RM950 sebulan.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana membekalkan ubat percuma kepada saya dan bersyukur kerana Allah SWT memberi peluang saya melihat dunia lagi," katanya.

Selepas berpisah dengan suami pertama, Nur Marsitah berkahwin kali kedua dengan seorang bekas penagih dadah pada Disember tahun lalu.

"Saya tidak menyesal beresamikan bekas penagih, sebaliknya dia banyak memberi kaunseling dan semangat kepada saya untuk terus tabah menghadapi dugaan hidup.

"Lebih membanggakan ibu bapa saya dan ibu bapa suami menerima saya seadanya dan tidak memandang serong, malah banyak memberi perangsang," katanya.

Nur Marsitah juga meminta orang ramai tidak memandang serong pesakit HIV dan bekas penagih dadah kerana golongan itu juga mempunyai perasaan dan memerlukan belas kasihan.

"Tidak perlu orang seperti kami, terutama kanak-kanak yang menghidap HIV akibat ibu bapa mereka didiskriminasi sehingga mereka tersisih daripada masyarakat.

"Orang ramai boleh bersalam, berbual dan berpelukan dengan penghidap HIV. Masyarakat perlu memberi peluang kedua kepada orang seperti kami untuk meneruskan kehidupan," katanya.

**"Orang ramai boleh bersalam, berbual dan berpelukan dengan penghidap HIV. Masyarakat perlu memberi peluang kedua kepada orang seperti kami untuk meneruskan kehidupan"**

Nur Marsitah Abdullah,  
Sukarelawan PT Foundation  
Kuala Lumpur